

# **PELAKSANAAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)**

---

## **GARIS PANDUAN**

KETUA PENGARANG:  
**LIM JAC FANG**

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN

KESIHATAN (JKK)

SIDANG PENGARANG:

LIM JAC FANG  
NELBON GILOI  
MOHD SUHAIMI YAAKOF  
JASON EDWIN  
ENG HONG HENG @ MAZLAN ENG  
HARMAN ANGAN  
ATILIN SUDI  
PEDELIN RIMPAU  
SIMSON GUNSALAM  
ADRIAN HENRY JOSEPH  
ISKANDAR NONCHE  
ANDREW KANDURING GITAM

PENYUNTING:  
HIDAYATUL RADZIAH ISMAWI  
CHUA LI-SHUN

# PENAFIAN

E-book ini dikarang oleh Dr Lim Jac Fang, Nelbon Giloi, Mohd Suhaimi Yaakof, Jason Edwin, Eng Hong Heng @ Mazlan Eng, Harman Angan, Atilin Sudi, Pedelin Rimpau, Simson Gunsalam, Adrian Henry Joseph, Iskandar Nonche, Andrew Kanduring Gitam, dan diterbitkan oleh The Malaysian Integrated Medical Professionals Association (MIMPA), Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Hak cipta terpelihara. Penghasilan manapun bahagian e-book ini dalam apa-apa bentuk sekali pun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran daripada para pengarang. Penjualan atau pengubahauan e-book ini juga tidak dibenarkan tanpa kebenaran para pengarang.

Copyright © 2021

Diterbitkan oleh:

Malaysian Integrated Medical Professionals Association  
(MIMPA)

Kota Kinabalu, Sabah  
Malaysia

e ISBN 978-967-19135-8-1



# PRAKATA

Garis panduan ini merupakan terbitan sulung kumpulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dihasilkan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak yang berpengalaman. Garis panduan ini juga dilengkapkan dengan modul latihan dan dalam dwi bahasa.

Garis panduan ini disediakan sebagai satu ringkasan bagi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturannya, serta memberi cadangan dalam membantu pelaksanaan tugas-tugas Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

# **SIDANG PENGARANG**

## **Lim Jac Fang**

MBBS, PgDipOH, EMSHE, CPIH, FIIRSM, FRSPH, FAOEMM,  
GradIOSH, CMIA

Registered OSH Consultant (UK) & Industrial Hygienist

## **Nelbon Giloi**

MBBS, PgDipOH, MPH, CMIA

Associate Professor

Universiti Malaysia Sabah

## **Mohd Suhaimi Yaakof**

MD, PgDipOH, EMSHE

Malaysia Petroleum Management

PETRONAS

## **Jason Edwin**

Dip. Env. Health, BBA(HRM)(Hons), EMSHE

Registered Safety & Health Officer (DOSH)

Health, Safety & Environment

PETRONAS Carigali Sdn. Bhd.

**Eng Hong Heng @ Mazlan Eng**

Dip. Env. Health, EMSHE, TechIOSH, AIIRSM

Health, Safety & Environment

IRSO Sabah – FIPD, Project Delivery & Technology (PD & T)

**Harman Angan**

Dip. Env. Health, BSc. OSHE(Hons), EMSHE

Registered Safety & Heath Officer (DOSH) &

Senior Lead QHSSE

Aker Solutions APAC Sdn. Bhd. Malaysia

**Atilin Sudi**

Dip. Env. Health, B Env. Health(Hons)

Pejabat Kesihatan Kawasan Papar

**Pedelin Rimpau**

Dip. Env. Health, B. Env. Health(Hons)

Environmental Health Officer

Jabatan Kesihatan WP Labuan

**Simson Gunsalam**

Dip. Env. Health, BSc. Env. Sc(Hons)

Pejabat Kesihatan Kawasan Penampang

**Adrian Henry Joseph**

Dip. Env. Health, B. Env. Health(Hons)

Pejabat Kesihatan Daerah Putatan

**Iskandar Nonche**

Dip. Env. Health

Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau

**Andrew Kanduring Gitam**

Dip. Assistant Medical Officer

Hospital Mesra Bukit Padang

# PENYUNTING

**Chua Li Shun**

MBBS (IMU), MRehabMed (UM)

Clinical Specialist

Hospital Sungai Buloh

**Hidayatul Radziah Ismawi**

MBBS, IIUM

MMedSc, UKM (Pharmacology)

PhDMMDSc, IIUM (Pharmacology)

Assistant Professor

International Islamic University Malaysia

# ISI KANDUNGAN

---

1

## KATA-KATA ALUAN

---

2

### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Tujuan garis panduan
- 1.2 Sumber maklumat lain
- 1.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)

5

---

### 2.0 KEPERLUAN JAWATANKUASA KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

- 2.1 Apakah itu JKK?
- 2.2 Keperluan JKK di tempat kerja
- 2.3 Tanggungjawab menubuhkan JKK
- 2.4 Keadaan-keadaan yang memerlukan PTJ/majikan menubuhkan lebih daripada satu JKK

8

---

### 3.0 KEAHLIAN JAWATANKUASA KESIHATAN DAN KESELAMATAN

- 3.1 Bilangan ahli JKK
- 3.2 Kehadiran individu bukan ahli JKK dalam mesyuarat

11

---

### 4.0 TATACARA PELAKSANAAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

- 4.1 Keperluan mengadakan mesyuarat JKK
- 4.2 Tindakan jika keputusan tidak dapat dicapai dalam mesyuarat JKK

5.0 PENGENDALIAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

- 5.1 Tujuan mengadakan mesyuarat JKK
- 5.2 Kuorum mesyuarat JKK
- 5.3 Pemberitahuan mesyuarat JKK
- 5.4 Penyediaan agenda mesyuarat
- 5.5 Pelaksanaan mesyuarat
- 5.6 Mesyuarat sulung
- 5.7 Minit mesyuarat

20

---

6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB  
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN

- 6.1 Latihan kepada ahli JKK
  - [Bahagian IV, Seksyen 15(2)(c)]
- 6.2 Sokongan yang diperlukan oleh JKK
- 6.3 Peranan JKK di dalam penyediaan dan penilaian semula polisi dan program KKP
- 6.4 Fungsi JKK di bawah AKKP 1994
- 6.5 Kekerapan pemeriksaan tempat kerja yang perlu dilaksanakan oleh JKK
- 6.6 Menangani aduan pekerja
- 6.7 Tindakan ahli JKK menangani aduan
- 6.8 Tindakan JKK menangani aduan pekerja
- 6.9 Pemeriksaan tempat kerja
- 6.10 Kerahsiaan maklumat
- 6.11 Tindakan majikan terhadap syor JKK
- 6.12 *Serious immediate hazards*

7.0 HAK JKK BERKAITAN DENGAN MAKLUMAT-MAKLUMAT

7.1 Kerja-kerja pemantauan, pengukuran dan pengujian di tempat kerja

8.0 PENILAIAN KEBERKESANAN FUNGSI JKK

- 8.1 Adakah pekerja dapat mengenalpasti ahli JKK di tempat kerjanya?
- 8.2 Adakah pekerja pernah membuat cadangan kepada ahli JKK?
- 8.3 Adakah perkara yang dibawa kepada JKK dikendalikan dengan cepat dan tepat?
- 8.4 Adakah ahli JKK diberi latihan yang sewajarnya?
- 8.5 Berapakah cadangan JKK yang telah dilaksanakan?

SENARAI LAMPIRAN

- |            |  |
|------------|--|
| Lampiran 1 | Peruntukan utama AKKP 1994                                 |
| Lampiran 2 | Komposisi keahlian JKK                                     |
| Lampiran 3 | Terma rujukan ahli JKK                                     |
| Lampiran 4 | Contoh agenda mesyuarat                                    |
| Lampiran 5 | Contoh takwim KKP  |
| Lampiran 6 | Contoh minit mesyuarat                                     |
| Lampiran 7 | <i>Hazard alert</i>  |
| Lampiran 8 | <i>Hazard tracking log</i>                                 |
| Lampiran 9 | Senarai semak penilaian<br>( <i>Evaluation checklist</i> ) |
| Laporan 10 | Borang siasatan kemalangan                                 |
| Laporan 11 | Contoh polisi KKP  |

## KATA-KATA ALUAN

Kami ingin merakamkan tahniah serta ribuan terima kasih kepada sidang pengarang Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) kerana telah menghasilkan satu sumber untuk membantu pihak swasta dan kerajaan dalam memenuhi kehendak AKKP 1994. Usaha untuk menerbitkan garis panduan ini melibatkan komitmen yang tinggi dari semua pihak.

Ini merupakan terbitan sulung kumpulan KKP yang dihasilkan dengan kerjasama daripada pelbagai pihak yang berpengalaman. Garis panduan ini juga dilengkapkan dengan modul latihan dalam dwi bahasa.

Seksyen 30(1) AKKP 1994 menyatakan bahawa majikan hendaklah menubuhkan JKK di tempat kerja jika terdapat 40 orang atau lebih di sesuatu tempat kerja.

Program KKP semakin mencabar pada masa kini kerana kewujudan pelbagai bahaya dan berlakunya kecederaan, kemalangan dan penyakit pekerjaan di kalangan pekerja yang merupakan pemangkin kemajuan negara. Oleh yang demikian, penghasilan garis panduan ini amat bertepatan pada masanya.

Cabaran sebenar adalah untuk mengekalkan fungsi dan peranan JKK agar penubuhannya memberi manfaat kepada sesebuah organisasi. Akhir kata, kami berharap semua organisasi dapat menggunakan garis panduan dengan sebaik mungkin supaya matlamat organisasi untuk memastikan persekitaran kerja selamat dan sihat, dan seterusnya meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan.

Sekian.

**“TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA  
ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

DR LIM JAC FANG & DR NELBON GILOI

# 1.0

# PENGENALAN

1.1 TUJUAN GARIS PANDUAN

1.2 SUMBER MAKLUMAT LAIN

1.3 AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN 1994 (AKKP 1994)

# **1.0 PENGENALAN**

## **1.1 TUJUAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini disediakan khusus bagi tujuan penubuhan JKK yang efektif untuk digunakan di semua organisasi. Ia merangkumi penubuhan dan operasi JKK. JKK yang efektif dapat membantu organisasi dalam melaksanakan semua aktiviti yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Maklumat yang terkandung dalam garis panduan ini bukan bertujuan untuk menggantikan AKKP 1994 dan hanya memberi panduan dalam pelaksanaannya. Garis panduan ini disediakan sebagai satu ringkasan bagi kehendak AKKP 1994 dan peraturannya serta cadangan dalam membantu pelaksanaan tugas-tugas JKK. Ahli-ahli JKK adalah digalakkan untuk membaca garis panduan ini bersama dengan AKKP 1994 (Lampiran 1).

## **1.2 SUMBER RUJUKAN**

Jika anda memerlukan sebarang maklumat tambahan, sila hubungi:

1.2.1 Jabatan Asas Perubatan Keluarga dan Komuniti,  
Tingkat 3, Blok E,  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia Sabah  
88400 Kota Kinabalu.

Tel : 088-320 000 ext. 611001 / 611010  
Faks : 088-321 377 / 321 373  
E-mel : nelbon@ums.edu.my  
U/P : Prof. Madya Dr Nelbon Giloi

1.2.2 <http://www.dosh.gov.my>

# 1.0 PENGENALAN

## 1.3 AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

Akta ini menyediakan satu rangka undang-undang yang bertujuan untuk:

- Memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, terhadap sebarang risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada akitiviti orang yang sedang bekerja.
- Melindungi orang di tempat kerja, selain daripada orang yang sedang bekerja, terhadap risiko keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti orang yang sedang bekerja.
- Menggalakkan sesuatu persekitaran pekerjaan yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi orang yang sedang bekerja,
- Mewujudkan sistem peraturan dan tata amalan industri yang dilaksanakan dengan peruntukan AKKP 1994 bagi mengekalkan atau memperbaiki standard keselamatan dan kesihatan.

Penubuhan JKK di tempat kerja adalah salah satu kewajipan organisasi yang perlu disokong sepenuhnya oleh majikan. Penyertaan pihak pekerja adalah penting. KKP adalah bertujuan untuk mencegah kecederaan, kemalangan dan penyakit pekerjaan. Ia bukan tanggungjawab SHO sahaja, tetapi adalah tanggungjawab bersama.